

Headline **Saya dah macam P Ramlee**
Date **09. Jul 2008**
Media Title **Harian Metro**
Section **Rap**
Circulation **336603**
Readership **2192000**

Language **MALAY**
Page No **6**
Article Size **891** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



'Saya dah macam P Ramlee'

Ahmad Nawab kecewa apabila karyawan tempatan dipinggirkan, artis luar dijunjung



PERJUANGAN beliau dalam persada muzik tanah air tidak pernah berhenti. Mula berkecimpung dalam bidang penciptaan lagu pada usia semula 16 tahun, sumbangan Seniman Negara, Datuk Dr Ahmad Khan Nawab Khan atau Ahmad Nawab kepada perkembangan dunia muzik dan hiburan tempatan masih berterusan.

Sejarah membuktikan Ahmad Nawab adalah komposer yang banyak pengalaman dan aktif berkarya hingga menghasilkan lebih 2,000 lagu.

Malah, Ahmad Nawab juga menjadi orang yang bertanggungjawab di sebalik kehebatan penyanyi seperti Datuk Sharifah Aini, Broery Marantika, Salamiah Hassan, Uji Rashid, Hail Amir, Jamal Abdillah, Azlina Aziz, Siti Fairuz, Ramlah Ram dan Nassier Wahab.

Lagu popular Broery, Sabar Menanti, Mimpi Di Siang Hari dan Senja Di Kuala Lumpur, Sharifah Aini (Hapuslah Airmatamu dan Seiring dan Sejalan), Kau Kunci Cintaku Dalam Hatimu (Ramlah Ram), Bila Ku Rindu Ku Sebut Namamu (Siti Fairuz) dan banyak lagi terus popular hingga kini.

Selain kisah penciptaan lagu, Ahmad Nawab sebelum ini pernah menyatakan Tan Sri P Ramlee tidak boleh bermain saksofon walaupun dalam filem, P Ramlee menunjukkan bakatnya sebagai pemuzik.

Ahmad Nawab yang pernah meminjamkan salah satu saksofon kesayangannya kepada P Ramlee dalam filem Masam-Masam Manis, sebenarnya turut bertanggungjawab bermain saksofon ketika P Ramlee berlakon.

Atas sumbangannya, Ahmad Nawab menerima Ijazah Kehormat Doktor Persuratan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2000 serta menjadi penerima ketujuh Anugerah Seniman Negara yang diberikan kerajaan Malaysia bagi mengiktiraf sumbangan seni beliau kepada negara pada 2006.

Pada usia 75 tahun, Ahmad Nawab masih bertenaga untuk meniup saksofon kesayangannya, begitu juga mencipta lagu. Di sebalik

pencapaian lebih 50 tahun atau jubli emas, dalam diri, Ahmad Nawab masih ada rasa kecewa dan impian yang belum dicapai.

Ikuti temu bual wartawan Harian Metro, **ELRAFAEI SAPI** (ahmadelrafaei@hmetro.com.my) bersama Ahmad Nawab bagi menyalami perasaan komposer tersohor ini selepas menayakan Konsert Seniman Negara sempena Festival Muzik Kuala Lumpur di Istana Budaya, baru-baru ini.

SOALAN (S): Tahniah kerana Konsert Seniman Negara mendapat sambutan: Apa perasaan Datuk selepas selesai konsert?

JAWAPAN (J): Terima kasih. Sebenarnya konsert ini dirancang sejak tiga tahun lalu selepas kejayaan Konsert Melodi Emas 2 (2006) dan sebelum itu konsert yang sama diadakan pada 2005. Dari respons yang saya terima, peminat mahukan saya kembali membuat persembahan dan saya cukup gembira untuk mengadakan kembali persembahan sebegini.

Saya juga bangga berpeluang berganding dengan Jamal, Siti Fairuz, Man Kidal serta pasangan adik-beradik, Latif dan Khatijah Ibrahim serta kumpulan The Girls.

S: Mengapa selepas dua tahun, baru persembahan diadakan semula?

J: Sebenarnya sudah lama saya menantikan peluang mengadakan persembahan seperti ini, tetapi hakikatnya peluang yang diberikan tidak banyak. Bukan saja persembahan pentas berkurangan, tetapi keadaan yang sama berlaku terhadap stesen TV dan radio. Walaupun saya bertaraf Seniman Negara, saya juga susah hendak mendapat peluang mengadakan persembahan mahupun terbit dalam program TV dan radio.

Saya juga hairan mengapa perkara sebegini boleh berlaku sedangkan peluang itu sebenarnya ada. Ketika memikirkan perkara ini berlaku, terdetik perasaan merajuk dan kecewa dalam diri saya. Lalu, banyak persoalan bermain di fikiran.

Mengapa artis tempatan tidak berpeluang membuat persembahan di negara sendiri dan mendapat peluang lebih luas untuk mengembangkan bakat seni



ANAK DIDIK... Ahmad Nawab bersama Jamal dan Siti Fairuz ketika menayakan Konsert Seniman Negara di Istana Budaya.

walaupun artis tempatan kita mampu memberi persembahan terbaik.

S: Mengapa perkara sebegini boleh berlaku?

J: Situasi ini bukan perkara baru, malah P Ramlee pernah melalui pengalaman ini dulu. Saya kecewa apabila sekian lama berjuang dalam bidang muzik, situasi sama masih berlaku. Bukan faktor artis tempatan kita tidak bagus hingga diketepikan di negara sendiri.

Terus terang saya katakan, sebelum ini ada peminat dari luar negara yang memuji persembahan saya dan katanya, persembahan sebegini yang mereka mahukan. Senario berbeza dapat dilihat ketika saya berusaha menaikkan nama Broery di negara asalnya.

Ketika itu, saya menjadi komposer Malaysia pertama yang mencipta lagu untuk Broery. Di sebalik populariti yang diraih Broery di Malaysia ketika itu, peminat di sana menolak karya saya kerana mereka lebih menyokong lagu ciptaan komposer sendiri berbanding karya luar.

Ini menandakan peminat di sana begitu bersungguh-sungguh memperjuangkan dan menyokong muzik sendiri hingga artis mereka masih diterima ramai. Malah, pengarah mereka juga menular ke negara luar termasuk negara kita dan atas pengaruh itu, peminat kita pula menerima

sejara terbuka kehadiran mereka di sini.

S: Apakah nasib P Ramlee turut terjadi pada saudara?

J: Saya kini merasakan apa yang P Ramlee alami dulu. Walaupun P Ramlee popular, tetapi beliau juga sukar mendapatkan peluang untuk muncul di TV dan radio. Namun, apabila P Ramlee sudah tiada, barulah sumbangannya dikenang hingga dimainkan berulang kali di TV.

Saya sedih dengan nasib P Ramlee ketika itu dan kini saya pula menjadi seperti P Ramlee. Pernah suatu ketika, saya berasa putus asa dan ingin bersara dalam bidang seni, tetapi apabila ada peluang membuat konsert, semangat saya kuat untuk kembali bermain muzik.

Pernah ketika bermain muzik, saya merasakan persembahan saya bukan di negara sendiri. Walaupun kerajaan mengiktiraf saya sebagai Seniman Negara, tetapi saya merasakan tidak banyak sumbangan yang dapat saya berikan selepas menerima anugerah itu. Saya akui, ada stesen TV yang langsung tidak panggil saya untuk membuat persembahan sedangkan banyak artis luar negara diberi peluang yang lebih baik.

Mengapa perkara ini berlaku? Seharusnya kita berbangga dengan artis tempatan, bukannya mengagungkan artis luar. Saya amat

berharap persepsi stesen TV dan radio termasuk penaja terhadap artis tempatan berubah dan lebih banyak peluang pada artis tempatan diwujudkan selepas ini.

S: Apakah matlamat dan impian saudara selepas ini?

J: Sejak menerima Anugerah Seniman Negara dua tahun lalu, saya ada membuat perancangan untuk mengadakan konsert ke seluruh negara. Namun, impian saya ini masih belum menjadi kenyataan. Saya berharap dengan kehadiran Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Mohd Shafie Adpal dan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Shabery Cheek, impian ini dapat direalisasikan atas sokongan mereka.

Apa yang saya rancangkan, saya tidak hanya menyanyi dalam konsert itu, tetapi pada masa yang sama, saya adakan bengkel muzik bersama mereka yang berminat terhadap muzik. Niat saya mahu mencurahkan ilmu muzik yang ada dalam diri saya kepada orang lain termasuk artis muda.

Dalam bengkel itu, saya ingin berkongsi dengan orang ramai bagaimana kerjaya seni saya berkembang dari mula hingga sumbangan diiktiraf menerusi Anugerah Seniman Negara. Dengan adanya bengkel ini, generasi baru khususnya artis muda dapat menimba pengalaman

untuk berjaya seperti saya.

Dalam pada itu, saya berazam untuk menghasilkan buku autobiografi saya sendiri suatu hari nanti. Sebenarnya sudah empat tahun Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) merancang untuk menerbitkan buku ini, tetapi masih tiada apa-apa perkembangan. Saya juga mahu mewujudkan pusat penyelidikan muzik yang menyingkap sejarah dan asal usul muzik.

S: Apakah saudara akan mengadakan uji bakat untuk mencari pelapis?

J: Mungkin juga dalam konsert jelajah saya nanti. Sambil mengadakan bengkel muzik, pada kesempatan itu saya juga mencari bakat baru yang dapat diketengahkan menjadi penyanyi dan pemuzik. Walaupun ada segelintir pendapat mengatakan bidang seni seperti ini susah untuk cari makan, saya percaya kejayaan diri saya dapat dijadikan contoh pada orang lain.

S: Apa komen saudara mengenai bakat artis baru?

J: Artis sekarang tidak ubah seperti pisang goreng yang hanya popular ketika masih panas kemudian terus tenggelam begitu saja. Berbeza artis zaman 80-an seperti Ramlah Ram dan Jamal Abdillah, mereka mempunyai lagu yang menjadi 'trademark' mereka pada peminat. Menariknya, lagu mereka masih malar segar dan diminati hingga peminat generasi baru.

Malang mempunyai suara mantap yang tiada pada orang lain dan kerana itu saya menggelarnya penyanyi nombor satu negara. Malah Broery sendiri pernah berkata di Malaysia, hanya ada dua penyanyi hebat iaitu P Ramlee dan Jamal. Masalah yang kerap berlaku pada penyanyi sekarang adalah mereka tiada lagu yang menjadi 'trademark' pada ingatan peminat.

Sebelum ini, tiada pun program realiti TV yang menjemput saya untuk menjadi juri dan memberikan komen. Mungkin penyertaan saya sebagai juri dapat membantu berkongsi pengetahuan dan pengalaman yang ada. Bagaimanapun, saya berharap artis baru dapat menyerahkan bakat sebenar dalam diri mereka dan tidak terlalu mengharapkan glamor semata-mata.